

PM ingatkan Kuan Yew mengenai kenyataan menghasut rakyat Malaysia

Jangan buat lagi

Oleh ROZAMAN ISMAIL
dan HELMI MOHD FOAD

PUTRAJAYA 3 Okt. - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini mengingatkan Menteri Mentor Singapura, Lee Kuan Yew supaya jangan mengulangi kenyataannya yang boleh menghasut rakyat Malaysia.

Ditanya wartawan apakah beliau menerima permohonan maaf Kuan Yew itu, Perdana Menteri hanya berkata: "Saya telah mengambil maklum mengenai apa yang beliau (Kuan Yew) telah katakan dalam surat itu, semua yang telah dinyatakannya."

"Walau apa juga alasan yang beliau berikan, kenyataan seumpama itu boleh menghasut rakyat Malaysia."

Abdullah menasihatkan Kuan Yew supaya tidak lagi mengeluarkan kenyataan seumpama itu pada masa akan datang.

● Pemimpin UMNO ulas surat Lee Kuan Yew - Muka 3

Tegasnya, kenyataan Kuan Yew pada 15 September itu tidak sepatutnya diutarakan.

"Saya menerima surat beliau dan saya memahami isi kandungan seumpama itu, dan saya sudah mengambil maklum mengenainya. Tapi saya rasa... biarlah saya katakan begini, bahawa kenyataan Kuan Yew yang dibuatnya di Singapura itu tidak wajar dan tidak dihargai.

"Saya sudah tentu tidak bersetuju, saya tentu sahaja menolak alasan kenapa beliau membuat kenyataan itu," kata Abdullah pada sidang akhbar selepas mempengerusikan perjumpaan bersama ulama-ulama, di sini.

Perdana Menteri mengulas surat penjelasan Kuan Yew kepada surat yang dihantarnya pada 25 September lalu bagi meminta jawapan mengenai kenyataan kontroversi Menteri Mentor itu bahawa masyarakat Cina di Malaysia dan Indonesia telah dipinggirkan secara sistematik.

Komen itu mendapat bantahan Malaysia dan Indonesia. Kementerian Luar kedua-dua negara telah memanggil duta-duta

Jangan buat lagi

Singapura untuk memberi penjelasan mengenai kenyataan Kuan Yew itu.

Dalam surat yang disiarkan oleh akhbar hari ini, Kuan Yew meminta maaf kerana kenyataannya itu telah menyebabkan ketidakselesaian kepada Perdana Menteri.

Namun para pemerhati menyifatkan jawapan balas Kuan Yew itu bukan satu permohonan maaf atas kenyataan yang dibuatnya itu, tapi sekadar meminta maaf "kerana telah menyebabkan ketidakselesaian kepada Perdana Menteri".

Surat balas Kuan Yew itu diserahkan ke pejabat

Abdullah di Putrajaya oleh Pesuruhjaya Tinggi Singapura ke Malaysia, T. Jasudasen, semalam.

Dalam sidang akhbar tersebut, Perdana Menteri berkata, pihaknya percaya bahawa kenyataan seumpama itu tidak memberi sumbangan kepada hubungan kejiwaan antara Kuala Lumpur dan Singapura.

Diminta mengulas lagi, Abdullah berkata: "Ia boleh menghasut rakyat, dan reaksinya mungkin tidak elok."

Beliau enggan menjawab pertanyaan lanjut mengenai surat Kuan Yew itu kerana tidak mahu ada perbincangan mengenainya.